



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MALAYSIA DAN JEPUN PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DALAM SEKTOR UNSUR NADIR BUMI (REE) DAN TINDAKAN IKLIM**

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) hari ini menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Menteri Parlimen Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) Jepun, Tuan Yang Terutama (T.Y.T.) Komori Takuo, bertempat di NRES, Putrajaya.

Sesi kunjungan yang dipimpin oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh diadakan bertujuan mengukuhkan hubungan bilateral serta meneliti tindakan susulan berpandukan keputusan Pertemuan Sidang Kemuncak pada Jun lalu berasaskan kerangka Perkongsian Strategik Komprehensif antara Malaysia dan Jepun.

Fokus utama perbincangan tertumpu kepada pemeraksanaan industri Unsur Nadir Bumi (REE) dan mineral kritikal. Dalam sesi pertemuan tersebut, Malaysia merakamkan penghargaan atas kerjasama teknikal serta pemindahan teknologi berterusan daripada pihak Jepun menerusi Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) dan Pertubuhan Keselamatan Logam dan Tenaga Jepun (JOGMEC).

Pada masa yang sama, Malaysia menegaskan semula pendirian tegas mengenai dasar moratorium eksport bahan mentah REE. Langkah ini penting bagi memastikan aktiviti pemprosesan dan penyediaan nilai tambah dapat dilaksanakan sepenuhnya di dalam negara.

Selain sektor mineral, kedua-dua pihak menyambut baik penyelesaian muktamad bagi perundingan draf Memorandum Kerjasama (*Memorandum of Cooperation* - MoC) bagi Mekanisme Kredit Bersama (*Joint Crediting Mechanism* - JCM). Kerjasama pasaran karbon berlandaskan Perkara 6.2 Perjanjian Paris ini dijangka akan dimeterai menjelang akhir tahun 2026 bagi memangkinkan

pelaburan teknologi rendah karbon, sekali gus menyokong aspirasi transisi tenaga serta pemenuhan Nationally Determined Contribution (NDC) Malaysia.

Delegasi Malaysia turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) NRES, YBhg. Dato' Khalid bin Mohamed, pegawai-pegawai kanan NRES dan Jabatan, serta wakil Kementerian Luar Negeri (KLN). Manakala pihak Jepun turut diwakili oleh Duta Besar Luar Biasa dan Mutlak Jepun ke Malaysia, T.Y.T. Shikata Noriyuki, bersama pegawai-pegawai kanan METI dan Kedutaan Jepun di Malaysia.

Malaysia yakin penggabungan kepakaran teknologi hijau Jepun dengan potensi sumber mampan negara akan memperkasakan pertumbuhan ekonomi hijau yang berdaya saing serta memberi manfaat jangka panjang kepada kedua-dua belah pihak.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**  
**26 OGOS 2026**

